

KAJIAN AWAL TERHADAP KEPENTINGAN ITEM PELAPORAN KEWANGAN MENERUSI INTERNET

MOHD NOOR AZLI ALI KHAN
*Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia*

NOOR AZIZI ISMAIL
*UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia*

Abstrak

Makalah ini cuba mengupas isu kepentingan item dalam Pelaporan Kewangan Menerusi Internet (PKMI) dengan mengambil kira pandangan penyedia dan pengguna maklumat kewangan. Perbincangan makalah ini berpandukan kepada dapatan awal kajian tinjauan yang dilakukan bagi mengetahui kepentingan item untuk mengukur tahap PKMI. Kajian tinjauan yang dijalankan menggunakan kaedah soal selidik berasaskan skor wajaran dan telah mendapat maklum balas daripada 36 orang responden. Berdasarkan sorotan karya yang menyeluruh, tahap PKMI dalam kajian ini dibahagikan kepada dua dimensi utama iaitu dimensi kandungan dan dimensi pembentangan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima item utama iaitu penyata pendapatan tahun semasa, kunci kira-kira tahun semasa, nota penyata kewangan tahun semasa, penyata pendapatan tahun lepas, dan penyata aliran tunai tahun semasa yang berupaya menggambarkan dimensi kandungan. Seterusnya, bagi dimensi pembentangan terdapat lima item utama iaitu masa muat turun laman web syarikat, pautan kepada laman web, hiperpautan kepada analisis kewangan, hiperpautan ada di dalam laporan tahunan, dan pautan kepada senarai kandungan. Hasil kajian ini penting kerana ianya memberikan input kepada pembuat dasar dan pengubal piawaian perakaunan untuk merangka peraturan berkaitan PKMI dan seterusnya membuka lebih banyak ruang penyelidikan dijalankan dalam bidang ini.

Kata kunci: *Penyedia; pengguna; item pelaporan; skor wajaran dan pelaporan kewangan menerusi Internet.*

Abstract

Purpose - The purpose of this paper is to address the issue of the importance of items in the Internet Financial Reporting (IFR). Specifically, this paper examines the item of IFR included in the dimension of content and presentation.

Design/Methodology/Approach - The authors use a questionnaire to get feedback from the preparer and user about the importance of the items to measure the level of IFR.

Findings - The survey used a questionnaire based on weighted score. Thirty six respondents answered the questionnaire. Based on extensive literature review, the level of IFR can be categorised into two dimensions which are content and presentation. The findings showed that the top five items are income statement of current year, balance sheet of current year, notes to financial statements of current year, income statement of past year, and cash flow statement of current year can explain the dimension of content. In addition, the top five items for the dimension of presentation are loading time of the website, link to homepage, hyperlinks to financial analysts, hyperlinks inside the annual report, and link to table of contents. These findings may be useful to policy makers and accounting standard setters in preparing regulations on IFR as well as to provide opportunities for more research on the subject.

Originality/Value - This study is one of the first empirical studies to investigate the importance of items in the IFR in the developing country.

Keywords - Item; preparer; user; content; presentation; Internet financial reporting.

Paper type - Research paper.

Pengenalan

Peningkatan kewujudan laman web syarikat merupakan petunjuk penggunaan teknologi Internet yang semakin meluas. Populariti Internet sebagai jaringan sejagat telah berkembang dengan pesat sepanjang dua dekad yang lepas memandangkan kebanyakan syarikat telah memilih untuk menggunakan laman web sebagai medium komunikasi yang efektif berasaskan sifatnya yang murah, dinamik dan sentiasa fleksibel dengan dunia global. Kesannya, Internet semakin berpengaruh sebagai medium terkini bagi pembentangan maklumat

korporat seperti pelaporan kewangan. Keadaan ini mewujudkan usaha bagi mengkaji maklumat yang dilaporkan di dalam laman web syarikat. Memandangkan skop perbincangan laman web syarikat dan Pelaporan Kewangan Menerusi Internet (PKMI) begitu meluas, makalah ini cuba memfokuskan kepada kajian berkaitan kepentingan item PKMI dari sudut pandangan penyedia maklumat kewangan dan pengguna maklumat kewangan.

Sorotan karya menunjukkan terdapat banyak kajian ilmiah yang telah dijalankan bagi menyelidiki perkembangan PKMI (Petra & Gillett, 1996; Lymer, 1997; Lymer & Tallberg, 1997; Flynn & Gowthorpe, 1997; Koreto, 1997; Wildstrom, 1997; Brennan & Hourigan, 1998; Marston & Leow, 1998). Praktis PKMI ini turut dikaji oleh ahli akademik di banyak negara, antaranya United States (Ashbaugh, Johnstone & Warfield, 1999; Ettredge, Richardson & Scholz, 2001), United Kingdom (Lymer, 1997; Marston & Leow, 1998; Craven & Marston, 1999), Jepun (Marston, 2003), New Zealand (McDonald & Lont, 2001; Oyelere, Laswad & Fisher, 2003) dan Australia (Lodhia, Allam & Lymer, 2004). Hasil kajian lepas menunjukkan terdapat peningkatan mendadak dalam penggunaan Internet bagi tujuan penyampaian maklumat korporat termasuklah laporan tahunan. Namun begitu, penggunaan teknologi yang sofistikated bagi praktis PKMI didapati berbeza-beza dalam kalangan negara (Oyelere et al., 2003).

Di Malaysia, kebanyakan kajian yang dijalankan memerihalkan praktis PKMI secara deskriptif (Ismail & Tayib, 2000; Nik Salleh & Mohamed, 2000; Atan, Mohamed & Yatim, 2000; Mohamad, Mohamed & Mohamed, 2003; Keliwon & Aziz, 2005; Abdul Hamid, 2005; Abdul Hamid & Md Salleh, 2005). Terdapat juga beberapa kajian yang dilakukan untuk mengetahui faktor penentu yang mempunyai hubungan dengan praktis PKMI dalam kalangan syarikat yang tersenarai (Hassan, Jaaffar, Jahl & Mat Zain, 1998; Haniffa & Ab. Rashid, 2005; Alarussi & Selamat, 2007; Al Arussi, Selamat & Mohd Hanefah, 2009). Malahan, Institut Jawatankuasa Audit Malaysia menyarankan bahawa wujud keperluan syarikat awam di Malaysia untuk membina laman web syarikat bagi menyalurkan maklumat perniagaan kepada pengguna (*The Star*, 13 Mei 2009).

Penelitian terhadap ulasan karya lepas mendapati kajian terhadap pandangan penyedia maklumat kewangan dan pengguna maklumat kewangan berkaitan dengan tahap kepentingan item PKMI masih belum dipelopori. Justeru, kajian ini cuba meneroka dan membuktikan secara empirikal sejauh mana kepentingan item pelaporan yang

digunakan dapat menerangkan tahap PKMI dalam kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Impak penerokaan kajian disusuli pembuktian secara empirikal ini berupaya untuk menyumbang kepada badan ilmu berkaitan dengan penyelidikan PKMI.

Makalah ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama membincangkan secara ringkas mengenai kepentingan PKMI, ringkasan dapatan kajian lepas serta jurang kajian yang perlu diteroka. Bahagian kedua pula menyorot secara menyeluruh karya-karya lepas berkaitan kajian pelaporan perakaunan dan PKMI. Ini diikuti bahagian ketiga yang menerangkan kaedah kajian bagi mengumpul data dan analisis yang dijalankan. Bahagian keempat pula membincangkan dapatan kajian. Akhir sekali, rumusan dan cadangan kajian dihuraikan dalam bahagian kelima.

Kajian Pelaporan Perakaunan dan PKMI

Minat penyelidikan terhadap tingkah laku pelaporan perakaunan telah bermula semenjak 1960-an lagi (Zarzeski, 1996). Penyelidikan pelaporan perakaunan pada masa itu adalah berasaskan kepada laporan tahunan yang menurut Zarzeski (1996) boleh dikategorikan kepada dua kategori utama. Kategori pertama kajian melibatkan soal selidik yang dihantar kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam proses pelaporan kewangan. Kategori kedua pula berkaitan dengan kajian pelaporan yang melibatkan penggunaan indeks pelaporan untuk mengukur pelaporan perakaunan secara keseluruhan atau sukarela di dalam laporan tahunan.

Selaras dengan perkembangan teknologi Internet yang bermula pada awal tahun 1990-an, penyelidikan pelaporan perakaunan mula berkembang dan turut merangkumi laporan tahunan atau maklumat kewangan yang dilaporkan di Internet. Menurut Allam dan Lymer (2003), kajian-kajian awal berkaitan PKMI adalah bersifat deskriptif. Fokus utama kajian berkisar kepada kewujudan laman web dalam kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Saham dan sama ada syarikat-syarikat tersebut ada menyediakan maklumat tertentu di dalam laman web syarikat (Pettravick & Gillett, 1996; Louwers, Pasewark & Typpo, 1996; Lymer, 1997; Flynn & Gowthorpe, 1997; Gray & Debreceny, 1997; Pettravick & Gillett, 1998). Selain kajian berbentuk akademik, isu PKMI turut menarik minat badan-badan profesional perakaunan untuk membuat kajian berkaitan PKMI, antaranya Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW, 1998; ICAEW, 2004), International Accounting Standards

Committee (IASC, 1999), Canadian Institute of Chartered Accountants (CICA, 1999) dan Financial Accounting Standards Board (FASB, 2000; FASB 2001).

Namun begitu, penelitian terhadap kajian-kajian berkaitan PKMI sepanjang dua dekad yang lalu mendapati hanya sedikit sahaja kajian yang memberi fokus kepada pembinaan indeks pelaporan bagi menerangkan fenomena PKMI ini dengan lebih baik. Tambahan lagi, kaedah yang digunakan bagi membina indeks pelaporan ini pula didapati berbeza-beza dalam kalangan penyelidik. Sehubungan dengan itu, satu kajian yang lebih menyeluruh bagi mencari kaedah pembinaan indeks pelaporan yang lebih tepat adalah perlu. Ini disebabkan kepentingan penggunaan indeks pelaporan ini penting bagi tujuan perbandingan praktis PKMI antara syarikat, industri dan negara. Selain itu, bidang penyelidikan PKMI lebih tertumpu kepada negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain dan Jerman berbanding dengan di negara Asia (Tan & Teo, 1998; Davey & Homkajohn, 2004; Celik et al., 2006; Alarussi & Selamat, 2007). Sebagai contoh, menurut Haniffa dan Ab. Rashid (2005), kajian praktis PKMI di Malaysia masih berada pada peringkat permulaan.

Isu yang berhubung dengan pendekatan pembinaan indeks yang digunakan bagi menilai tahap PKMI mempunyai dua pandangan iaitu (1) pendekatan wajar atau pemberat, dan (2) pendekatan bukan wajar atau tiada pemberat. Jadual 1 menunjukkan beberapa kajian berkaitan pengukuran tahap PKMI. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, penyelidik mendapati bahawa terdapat sedikit usaha dalam kalangan ahli sarjana yang menggunakan pendekatan wajar untuk mengetahui tahap PKMI terutamanya daripada pandangan penyedia maklumat kewangan dan pengguna maklumat kewangan. Seperkara lagi, penyelidik mendapati bahawa penggunaan item yang dinilai atau dimensi yang digunakan dalam kalangan penyelidik untuk mengukur tahap PKMI tidak konsisten. Hal yang sedemikian membuka ruang perdebatan berhubung dengan skala pengukuran dan dimensi yang digunakan untuk mengukur tahap PKMI. Namun begitu, Ali Khan dan Ismail (2009) mencadangkan penggunaan dimensi kandungan dan dimensi pembentangan untuk mengetahui tahap PKMI bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Menurut Ali Khan dan Ismail (2009), dimensi kandungan akan memberikan maklumat mengenai jenis maklumat yang dilaporkan oleh syarikat menerusi laman web. Manakala, dimensi pembentangan pula akan memberikan maklumat mengenai penggunaan ciri paparan terkini dalam menyebarkan maklumat korporat dan reka bentuk laman web sesebuah syarikat.

Jadual 1

Beberapa Kajian Terpilih berkaitan dengan Pengukuran Tahap PKMI

Tahun	Penyelidik	Skop Kajian	Skala Pengukuran	Item yang Dinilai
1999	Hedlin	Sweden	<ul style="list-style-type: none"> Nominal Tiada pemberat Berdasarkan peratusan boleh diperolehi 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan tahunan dan laporan interim Siaran akhbar dan maklumat tambahan menerusi Internet Penggunaan kelebihan pembentangan bagi Internet
1999	Deller, Stubenrath dan Weber	US, UK dan Jerman	<ul style="list-style-type: none"> Senarai semakan 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan interim Siaran akhbar Maklumat perkhidmatan Maklumat untuk dihubungi Mesyuarat agung tahunan Carta organisasi Penggunaan Internet untuk tujuan tertentu
1999	Pirchegger dan Wagenhofer	Austria	<ul style="list-style-type: none"> Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> Kandungan Ketepatan masa Teknologi Sokongan pengguna
2001	Eitredge, Richardson dan Scholz	US	<ul style="list-style-type: none"> Senarai semakan: Skor 2 (laporan tahunan lengkap), Skor 1 (Item dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat perakaunan Maklumat kewangan yang lain
2003	Oyelere, Laswad dan Fisher	New Zealand	<ul style="list-style-type: none"> Senarai semakan: Ya dan Tidak Tiada pemberat 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan tahunan Format dan lokasi laporan tahunan Kandungan laporan tahunan

(sambungan)

Tahun	Penyelidik	Skop Kajian	Skala Pengukuran	Item yang Dinilai
2004	Davey dan Homkajohn	Thailand	<ul style="list-style-type: none"> • Binari • Pemberat 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Pemasaan • Teknologi • Sokongan pengguna
2004	Marston dan Polei	Jerman	<ul style="list-style-type: none"> • Binari • Pemberat 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan (Maklumat hubungan dengan pelabur, Ketepatan masa maklumat, Pelaporan tanggungjawab sosial, Perincian pihak untuk dihubungi dan lain-lain maklumat) • Pembentangan (Ciri-ciri teknologi, Kemudahan dan kebergunaan laman web)
2006	Chan dan Wickramasinghe	Australia	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • Ketepatan masa • Teknologi • Sokongan pengguna
2006	Sriram dan Laksamana	US	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Data kewangan dan bukan-kewangan • Analisis pengurusan bagi data kewangan dan bukan kewangan • Maklumat masa hadapan (<i>forward-looking</i>) • Maklumat mengenai pekerja, pengarah dan pengurusan • Maklumat mengenai latar belakang syarikat, objektif, strategi, dan struktur industri
2007	Abdelsalam, Bryant dan Street	UK	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai semakan: Skor 1 (Item dilaporkan), Skor 0 (Item tidak dilaporkan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan • <i>Usability</i>
2008	Hanafi, Kasim, Ibrahim dan Othman	Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pemberat • Pemberat 	<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk laman web • Kandungan laman web

Sepertimana disebutkan sebelum ini, sorotan karya dalam bidang penyelidikan PKMI terutamanya dalam hal berkaitan dengan kepentingan item PKMI masih kurang berbanding dengan kajian yang melibatkan laporan tahunan. Setakat pengetahuan penyelidik, masih belum ada usaha yang dijalankan untuk mengkaji pandangan penyedia dan pengguna berhubung dengan kepentingan item PKMI. Namun begitu, ada usaha yang dijalankan bagi mengkaji pandangan syarikat yang diwakili oleh Ketua Pegawai Kewangan (KPK) berkenaan PKMI (seperti Hassan et al., 1999). Hasil kajian Hassan et al. (1999) menunjukkan bahawa lebih 75% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa polisi mengamalkan PKMI memberi kebaikan kepada syarikat kerana mereka berupaya untuk menarik bakal pelanggan, pelabur tempatan dan luar negara, mempromosikan ketelusan dan menyediakan liputan meluas berbanding dengan laporan tahunan bercetak. Malahan, dapatan kajian Hassan et al. (1999) melaporkan bahawa majoriti yang signifikan (lebih daripada 70%) responden bersetuju bahawa polisi syarikat untuk tidak menggunakan laman web bagi tujuan pelaporan disebabkan oleh tiada keperluan perundangan, terdapat alternatif lain bagi pengguna untuk mendapatkan maklumat, selain syarikat perlu untuk menyelenggara dan sentiasa mengemas kini maklumat di dalam laman web syarikat.

Oleh sebab itu, dalam kajian ini penyelidik cuba untuk mengkaji pandangan penyedia dan pengguna berhubung kepentingan item PKMI bagi mengukur tahap PKMI dengan berpandukan kaedah tinjauan menggunakan kaedah soal selidik.

Metodologi Kajian

Terdapat beberapa teknik yang digunakan untuk menentukan tahap PKMI. Antaranya dengan menggunakan sistem penskoran bukan wajaran (seperti dalam kajian Ashbaugh et al., 1999; Bonson & Escobar, 2002; Debreceeny et al., 2002; Allam & Lymer, 2003; Oyelere et al., 2003; Bonson & Escobar, 2006; Celik et al., 2006; Chan & Wickramasinghe, 2006; Abdelsalam et al., 2007) dan sistem penskoran wajaran (seperti dalam kajian Davey & Homkajohn, 2004; Marston & Polei, 2004). Teknik sistem penskoran bukan wajaran merupakan yang paling popular digunakan bagi mengetahui tahap PKMI dalam kalangan syarikat. Sepanjang kajian dilakukan, didapati bahawa belum ada lagi kajian yang menggunakan sistem penskoran wajaran bagi mengetahui tahap pelaporan berasaskan laman web. Oleh itu, dapatan kajian ini berupaya untuk menyumbangkan kepada kajian

literatur yang sedia ada. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tinjauan berasaskan soal selidik bagi mengetahui tahap kepentingan item PKMI mengikut pandangan penyedia maklumat kewangan dan pengguna maklumat kewangan.

Saiz Sampel

Sebanyak 140 responden yang terlibat dalam kajian ini. Sebagai panduan umum, penyelidik digalakkan menggunakan saiz sampel melebihi 30 unit kerana andaian taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit (Konting, 2000). Tambahan lagi, Roscoe (1975) dalam (Sekaran, 2003) mencadangkan petunjuk kasar atau wajar bagi menentukan saiz sampel ialah saiz sampel melebihi 30 dan kurang daripada 500 adalah bersesuaian bagi kebanyakan penyelidikan. Bagi sampel yang dibahagikan kepada beberapa subsampel (contohnya, lelaki atau perempuan), maka saiz minimum sampel ialah 30 bagi setiap kategori adalah diperlukan. Saiz sampel dalam kajian rintis itu sendiri sudah boleh dianalisis dengan berkesan kerana memenuhi syarat sampel besar dalam ilmu statistik iaitu n melebihi 30 (Ayob, 2005).

Pembinaan Item

Kebanyakan kajian lalu berkaitan faktor penentu bagi PKMI telah membina indeks pelaporan untuk mengkaji perhubungan dengan karakter spesifik syarikat (contoh Debreceny, Gray & Rahman, 2002; Oyelere et al., 2003; Xiao, Yang & Chow, 2004). Walau bagaimanapun, kajian lalu tidak mengambil kira pandangan penyedia maklumat kewangan dan pengguna maklumat kewangan terhadap kepentingan atau kebergunaan item pelaporan dalam pembentukan indeks pelaporan. Oleh yang demikian, kajian ini adalah percubaan pertama dengan mengambil kira pandangan penyedia maklumat kewangan dan pengguna maklumat kewangan dalam pembinaan item indeks pelaporan.

Pelaporan kewangan merupakan satu konsep abstrak yang tidak dapat diukur secara terus. Sehubungan dengan itu, Cooke dan Wallace (1989) berpendapat proksi yang bersesuaian seperti indeks pelaporan boleh digunakan untuk menentukan maklumat yang dilaporkan oleh sesebuah syarikat. Oleh itu, salah satu tugas yang penting dalam kajian ini melibatkan pemilihan item maklumat yang dilaporkan di dalam laman web syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi mengetahui tahap pelaporan maklumat kewangan menerusi Internet. Dalam pemilihan item yang dimasukkan dalam

senarai semakan, pendekatan *broad-based* digunakan sama seperti dalam kajian Haniffa (1999). Menurut Sekaran (2003), *broad problem area* bermaksud situasi keseluruhan yang mana kelihatan satu kemungkinan keperluan untuk dilakukan kajian dan mencari jalan penyelesaian.

Menurut Curuk (2008), terdapat tiga perkara dalam prosedur bagi pembinaan indeks pelaporan, iaitu pembinaan lembaran skor pelaporan, pengiraan skor item pelaporan dan pembinaan indeks pelaporan. Memandangkan tiada teori umum yang boleh dipakai berkaitan bilangan dan pemilihan item yang perlu dimasukkan di dalam indeks pelaporan (Wallace, 1988; Wallace et al., 1994; Haniffa, 1999), kajian lalu dijadikan panduan, iaitu bilangan item bermula dari 14 item (Abdul Hamid & Md Salleh, 2005) hingga 164 item (Celik et al., 2006). Berikut ialah langkah yang dilakukan dalam pembinaan item senarai semakan bagi indeks pelaporan sepertimana dilakukan oleh Haniffa (1999):

Langkah 1: Semakan ke atas sorotan literatur secara meluas berkaitan PKMI

Pembinaan senarai semakan indeks pelaporan adalah berdasarkan kepada senarai semakan yang telah dibina oleh Xiao et al. (2004). Indeks pelaporan yang dibangunkan oleh Xiao et al. (2004) adalah berpandukan kepada lima pengkaji lalu iaitu Deller, Stubenrath dan Weber (1999), Pirchegger dan Wagenhofer (1999), Debreceny et al. (2002), Marston dan Polei (2002), dan Ettredge, Richardson dan Scholz (2002). Seterusnya, penyelidik turut mengambil kira item pelaporan yang digunakan dalam kajian terkini seperti Trabelsi, Labelle dan Laurin (2004), Marston dan Polei (2004), Davey dan Homkajohn (2004), Bonson dan Escobar (2006), Chan dan Wickramasinghe (2006), Pervan (2006), Abdelsalam dan Street (2007), dan Kelton dan Yang (2008).

Langkah 2: Praujian

Senarai semakan yang telah dibina berasaskan penelitian literatur yang mendalam, kemudiannya diuji dengan mengedarkannya kepada dua orang pelajar PhD dan enam orang pensyarah dalam bidang perakaunan semasa praujian dijalankan. Praujian ini dijalankan bagi mendapatkan perasaan dan tingkah laku bakal responden terhadap soal selidik (Sekaran, 2003). Antara tujuan dilaksanakan praujian ialah untuk mengetahui sama ada wujud sebarang kekeliruan dalam item pengukuran, iaitu item yang kurang jelas, arahan menjawab

soalan, istilah, terma, bahasa dan persembahan soal selidik (Chua, 2006). Setelah itu, senarai semakan yang diuji semasa praujian disemak semula dengan mendapatkan pandangan daripada empat orang akauntan bertauliah dan dua orang pegawai kewangan.

Langkah 3: Kajian Rintis

Senarai semakan yang telah diuji pada sesi praujian (dengan pengubahsuaian) digunakan semula semasa kajian rintis. Senarai awal semakan telah dibincangkan dengan teliti dan disemak oleh rakan akademik, dan kemudiannya diuji secara rintis oleh empat orang akauntan bertauliah pada sekitar awal bulan Mei dan Jun 2008. Berdasarkan cadangan yang membina daripada ahli akademik perakaunan dan akauntan bertauliah, soal selidik (setelah mengambil kira pandangan ahli akademik perakaunan dan akauntan bertauliah) telah dihantar kepada 70 orang KPK daripada syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia. Penyelidik turut menghantar sebanyak 70 soal selidik kepada akauntan bertauliah dan ahli akademik perakaunan.

Soal selidik dihantar bersama-sama dengan surat rasmi (tujuan kajian turut dinyatakan), sampul surat beralamat sendiri dan bersemet. Senarai semakan dihantar kepada KPK bagi mengetahui tahap kepentingan atau kebergunaan item pelaporan yang dapat digunakan untuk mengukur tahap PKMI. KPK dipilih sebagai responden kajian kerana KPK mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai praktis pelaporan di dalam syarikat dan mereka adalah individu yang cekap, bertanggungjawab dan terlibat secara aktif di dalam penyediaan penyata kewangan atau laporan tahunan (Ho & Wong, 2003; Mohd Isa, 2006). KPK ialah para pengurus yang bertanggungjawab bagi penyata kewangan yang digunakan oleh pasaran (Gibbins, McCracken & Salterio, 2007). KPK turut berperanan sebagai individu yang terlibat dengan laporan tahunan korporat dan mempunyai kedudukan untuk memberi pandangan terhadap apa yang sepatutnya perlu dilaporkan (Wilmshurst & Frost, 2000). Pengurus kewangan, pengawal kewangan dan akauntan dijadikan responden dalam kajian ini kerana mereka mempunyai kebolehan dalam bidang kewangan, mempunyai akses kepada pelbagai pengetahuan dan maklumat mengenai syarikat dan mempunyai pengetahuan mengenai struktur kewangan masa lepas dan masa kini syarikat (Atkinson et al., 1995). Penyelidik turut menghantar soal selidik kepada pengguna maklumat kewangan yang diwakili oleh ahli akademik perakaunan dan penyedia akaun iaitu akauntan

bertauliah. Ahli akademik dipilih kerana pensyarah terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan laporan tahunan korporat sebagai sebahagian alat pengajaran dan pembelajaran (Mohd Isa, 2006). Pensyarah turut diyakini menggunakan laporan tahunan korporat bagi dua tujuan utama iaitu tujuan pengajaran dan tujuan penyelidikan sepertimana yang didokumenkan oleh kajian Abu-Nassar dan Rutherford (1996). Ahli akademik juga turut terlibat secara aktif dalam hal penyelidikan berkaitan dengan perakaunan kewangan. Manakala, akauntan bertauliah dipilih disebabkan mereka adalah individu yang bertanggungjawab dalam penyediaan akaun bagi sesebuah syarikat.

Kajian rintis ini menggunakan kaedah yang sama dengan kajian sebenar yang dilakukan supaya potensi masalah dalam tinjauan sebenar dapat dikenal pasti (Cooper & Schindler, 2000; Synodinos, 2003). Responden dalam kajian rintis perlu melengkapkan soal selidik dalam situasi yang sama dengan kajian tinjauan sebenar (Hair et al., 2003). Setelah kajian rintis dijalankan, senarai semakan indeks pelaporan diubahsuai berpandukan maklum balas yang diterima daripada KPK semasa kajian rintis dilakukan. Senarai semakan turut divalidasi oleh tiga orang pensyarah perakaunan kewangan berpangkat Profesor Madya bagi memastikan item pelaporan yang terkandung di dalam senarai semakan benar-benar dapat mewakili subjek yang hendak dikaji. Senarai semakan ini juga mendapat maklum balas daripada seorang penyelidik tersohor (*prominent scholar*) luar negara berpangkat Profesor iaitu pakar bidang PKMI. Kajian rintis dijalankan bagi tujuan menentukan bahawa soalan yang ditanya kelak sesuai dan tepat dengan keadaan responden dan difahami oleh mereka (Konting, 2000; Ayob, 2005).

Langkah 4: Semakan Indeks Pelaporan

Seterusnya, item pelaporan disemak semula dengan empat orang pengamal perakaunan. Bagi mengesahkan kebolehpercayaan instrumen tersebut, penyelidik telah cuba untuk mendapatkan pandangan daripada juru audit *Big Four*. Namun begitu penglibatan responden dalam menjawab soal selidik tidak dibenarkan oleh polisi syarikat, maka kerjasama dan komitmen daripada juru audit *Big Four* gagal diperolehi. Oleh yang demikian, penyelidik mendapatkan pengesahan akhir instrumen kajian daripada empat orang akauntan bertauliah. Senarai semakan bagi mengetahui tahap PKMI mengandungi 155 item, yang mana 97 item mewakili dimensi kandungan dan 58 item mewakili dimensi pembentangan.

Kutipan Data

KPK syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia merupakan sasaran organisasi bagi responden dalam kajian ini. Pada bulan Jun 2008, sebanyak 595 buah syarikat dikenal pasti (setelah mengecualikan syarikat di sektor kewangan dan dana tertutup) berpandukan maklumat yang diperoleh daripada Bursa Malaysia. Syarikat di sektor kewangan, amanah dan dana tertutup dikecualikan kerana mempunyai sifat yang berbeza dalam struktur penyata kewangan dan keperluan pelaporan (Ismail & Chandler, 2004; Mohd Isa, 2006).

Data bagi kajian ini dikutip melalui soal selidik yang dihantar melalui pos¹ sekitar Mei dan Jun 2008. Struktur soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan yang telah dibincangkan pada bahagian sebelum ini. Sejumlah 28 daripada 70 set soal selidik telah diperoleh daripada pengguna maklumat kewangan, iaitu 14 daripada akauntan bertauliah dan 14 daripada ahli akademik perakaunan dengan kadar maklum balas sebanyak 40%. Manakala, sebanyak lapan daripada 70 set soal selidik telah diterima daripada penyedia maklumat kewangan, iaitu KPK mewakili kadar maklum balas sebanyak 11.42%. Secara keseluruhan, peratusan kadar maklum balas responden ialah 25.71%. Walaupun kadar maklum balas responden rendah, tahap maklum balas ini dianggap mencukupi berasaskan kepada fakta kadar maklum balas purata bagi kajian yang melibatkan kaedah tinjauan menggunakan kaedah pos di Malaysia adalah di sekitar 10 hingga 16 peratus (Pricewaterhouse Coopers, 2002). Frazer dan Lawley (2000) pula menyatakan bahawa keputusan banyak kajian yang menggunakan soal selidik menunjukkan kadar maklum balas seperti 10% atau kurang. Ini disokong dengan kadar maklum balas yang melibatkan kaedah pos di Malaysia adalah sekitar 14% (Ismail & Chandler, 2005) dan 13.29% (Mohd Isa, 2006).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berasaskan kepada soal selidik yang diterima daripada 36 orang responden, berikut dipaparkan butiran responden yang terlibat dalam kajian rintis sepertimana dinyatakan di dalam Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan jawatan yang dipegang oleh responden di dalam organisasi. Profil responden sampel kajian terdiri daripada 22.2% ketua pegawai kewangan atau pengurus kewangan, 38.9% terdiri daripada akauntan bertauliah dan 38.9% ahli akademik perakaunan. Oleh itu, sampel kajian diwakili oleh 22.2% penyedia maklumat kewangan dan 77.8% terdiri daripada pengguna maklumat

kewangan. Hasil ujian Mann-Whitney U yang dijalankan ke atas 155 item dimensi kandungan dan dimensi pembentangan menunjukkan bahawa hanya lapan item sahaja yang berbeza secara signifikan. Ini menunjukkan bahawa perbezaan latar belakang kumpulan responden sama ada penyedia atau pengguna maklumat kewangan bukanlah faktor yang signifikan bagi mempengaruhi persepsi responden terhadap jawapan yang diberikan. Sehubungan dengan itu, kedua-dua kumpulan tersebut boleh digabungkan sebagai satu sampel.

Jadual 2

Profil Responden

Responden	Bilangan	Peratus (%)
Penyedia maklumat kewangan	8	22.2
Pengguna maklumat kewangan	28	77.8
Jumlah	36	100.0

Jadual 3 menunjukkan pengkhususan kelayakan akademik responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa 83.3% responden berlatar belakang perakaunan, 11.1% mempunyai kelayakan akademik dalam bidang perakaunan dan kewangan. Manakala, hanya 5.6% yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang kewangan.

Jadual 3

Pengkhususan Kelayakan Akademik

Pengkhususan	Kekerapan	Peratus (%)
Perakaunan	30	83.3
Kewangan	2	5.6
Perakaunan dan kewangan	4	11.1
Jumlah	36	100.0

Jadual 4 menunjukkan item yang terkandung dalam dimensi kandungan bagi mengukur tahap PKMI (min tertinggi = 4.67; min terendah = 3.03). Hasil kajian melaporkan bahawa 34 item yang nilai min melebihi 4.0. Manakala, hasil kajian turut menunjukkan bahawa terdapat 84 item daripada 97 item yang nilai min melebihi 3.5. Penyata pendapatan tahun semasa (min = 4.67) merupakan item pelaporan yang paling penting untuk mengetahui tahap PKMI bagi dimensi

kandungan. Manakala, antara lima item teratas di dalam dimensi kandungan menurut pandangan penyedia maklumat kewangan dan pengguna maklumat kewangan ialah kunci kira-kira tahun semasa, nota penyata kewangan tahun semasa, penyata pendapatan tahun lepas, dan penyata aliran tunai tahun semasa. Manakala, lima item terbawah di dalam dimensi kandungan bagi mengukur tahap PKMI ialah glosari atau istilah, piagam jawatankuasa lain, teks ucapan atau pembentangan, resolusi lembaga penyeliaan tahun lepas dan jualan atau data pengoperasian bulan atau mingguan.

Jadual 4

Pandangan Keseluruhan Kebergunaan Item bagi Dimensi Kandungan

Item	Min	Sisihan Piawai
Penyata pendapatan tahun semasa	4.67	.586
Kunci kira-kira tahun semasa	4.64	.639
Nota penyata kewangan tahun semasa	4.56	.652
Penyata pendapatan tahun lepas	4.56	.607
Penyata aliran tunai tahun semasa	4.53	.696
Kunci kira-kira tahun lepas	4.53	.654
Laporan juru audit tahun semasa	4.47	.878
Penyata perubahan ekuiti	4.44	.773
Analisis risiko perniagaan utama	4.44	.773
Laman web versi English	4.44	.809
Penyata aliran tunai tahun lepas	4.42	.732
Polisi perakaunan	4.42	.732
Laporan tahunan (teks penuh) tahun semasa	4.39	.903
